

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[DEVELOPMENT OF AL-QURAN TARANNUM STUSIES IN TERENGGANU  
 FROM PRE-INDEPENDENCE UNTIL 2004]**

**PERKEMBANGAN PENGAJIAN TARANNUM AL-QURAN DI TERENGGANU  
 PADA ZAMAN PRA-MERDEKA SEHINGGA TAHUN 2014**

NAJMIAH BINTI OMAR <sup>1\*</sup>  
 ZULKIFLI@MD. YAAKUB BIN MOHD YUSUF <sup>2</sup>

<sup>1</sup> Department of Al-Quran and Al-Sunnah, Academy of Islamic Studies,  
 University of Malaya Malaysia

<sup>2</sup> Mohd Yusuf Academy of Islamic Studies, University of Malaya Malaysia

\*Corresponding author: najmiah@unisza.edu.my.

Received Date: 7 April 2016 • Accepted Date: 28 July 2016

**Abstract**

*Every learning tradition began with a history, as it did with the study of Qur'anic tarannum (the study of the rhythmic recitations of the holy book). Based on the historical documents reviewed, it was found that no prior studies have been made specifically on the development of Qur'anic tarannum studies in Terengganu. This article, therefore, presents some of the contributing factors that have introduced the study of Qur'anic tarannum in Terengganu. The data comprised historical materials and interviews with some notable figures in the field of Qur'anic tarannum and 35 other Qur'anic reciters from the state of Terengganu. They were also past champions of the Qur'anic Recital Competition of Terengganu from 1960. The study found that among the important factors and influences towards the spread of tarannum practices in Terengganu were the Arab traders, the governing institutions, the Middle East students, the roles played by the tarannum teachers and the public's commitment at studying tarannum.*

*Keywords: Development, Studies, Tarannum, Factors, Qur'anic Reciter.*

**Abstrak**

Setiap tradisi ilmu bermula dengan sejarah. Begitu juga dengan pengajian tarannum al- Quran. Berdasarkan pengamatan bahan dokumentasi sejarah, didapati belum ada kajian khusus tentang perkembangan pengajian tarannum al-Quran di Terengganu. Justeru itu, artikel ini menyorot tentang faktor-faktor kemasukan ilmu tarannum al-Quran di Terengganu. Sumber kajian diperolehi menerusi bahan-bahan sejarah dan kajian temubual ke atas beberapa orang tokoh tarannum dan 35 orang informan yang terdiri daripada para qari dan qariah seluruh daerah negeri Terengganu yang pernah menjadi johan dalam pertandingan tilawah al-Quran di peringkat negeri Terengganu antara tahun 1960 hingga 2014 berdasarkan susur galur guru-guru mereka. Kajian mendapati bahawa antara faktor-faktor yang memainkan peranan penting dalam penyebaran ilmu

tarannum adalah pedagang Arab, institusi pemerintah, pelajar-pelajar dari Timur Tengah, peranan guru-guru tarannum dan kesungguhan masyarakat dalam mempelajari ilmu tarannum.

**Kata kunci:** Perkembangan, Pengajian, Tarannum, Faktor, Qari.

**Cite as:** Najmiah Binti Omar & Zulkifli@Md. Yaakub Bin Mohd Yusuf. 2016. Perkembangan Pengajian Tarannum Al-Quran Di Terengganu Pada Zaman Pra-Merdeka Sehingga Tahun 2014. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 13(1): 94-105.

## PENDAHULUAN

Kertas-kerja ini membincangkan tentang perkembangan ilmu tarannum di Terengganu. Ilmu tarannum di Terengganu telah mula wujud sejak awal kedatangan Islam melalui pedagang-pedagang Arab ke negeri Terengganu. Ilmu tarannum wujud secara tidak langsung melalui alunan bacaan al-Quran yang dibaca oleh mereka. Selain daripada berdagang, mereka juga adalah ilmuwan, agamawan dan qari. Begitu juga terdapat beberapa faktor yang membantu ke arah kesinambungan ilmu tarannum di Terengganu. Hasil daripada himpunan sorotan kajian lampau, didapati fakta-fakta rumusan seperti berikut.

## FAKTOR-FAKTOR KEMASUKAN ILMU TARANNUM DI TERENGGANU

Hasil daripada sorotan karya dan penulisan artikel Mohd Zaini, Mohd Yusof dan Sidek (2014,2) merumuskan antara faktor utama kemunculan pengajian tarannum atau seni lagu al-Quran di Nusantara dan Malaysia umumnya, dan di Terengganu secara khusus ialah:

- a. Kemasukan agama Islam di Nusantara. Hasil daripada itu, wujud pusat-pusat pengajian al-Quran. Ilmu-ilmu al-Quran diajar di rumah-rumah dan pondok-pondok.
- b. Kedatangan mubaligh Islam dari Timur Tengah.
- c. Kepulangan lulusan atau graduan dari Timur Tengah seperti Mekah, Mesir dan Madinah yang mengajar al-Quran kepada penduduk setempat.
- d. Para qari dan qariah mengembangkan ilmu seni al-Quran di Nusantara. Bentuk penyampaian mereka ialah memperbetulkan sebutan lajjah Arab dan memperdengarkan al-Quran dalam majlis khatam al-Quran, kenduri perkahwinan, perayaan dan pengajian al- Quran.
- e. Penghijrahan ulama-ulama dari negara jiran ke Malaysia khususnya dari Thailand.
- f. Penglibatan pemimpin dalam mengambil berat tentang hal-ehwal keagamaan.
- g. Kewujudan Majlis Tilawah al-Quran yang diasaskan oleh Tunku Abdul Rahman al-Haj dalam abad ke-20.

## PEDAGANG-PEDAGANG ARAB SEBAGAI MUBALIGH DAN QARI

Dari aspek kemasukan tarannum al-Quran ke Malaysia seiring dengan kedatangan al-Quran melalui pedagang-pedagang Arab ke Malaysia. Pengajian tarannum dengan al-Quran

disebarkan oleh pedagang-pedagang Islam dari Negara Arab ke bumi Melayu atau nusantara bermula pada kurun pertama hijrah iaitu kurun ke 7 masihi atau 648 Masihi semasa pemerintahan khalifah- khalifah Bani Umayyah berkuasa di Negara Arab (Ahmad Syafiq Mat Razali et.al, <https://ejurnalfp.files.wordpress.com>). Dari aspek masa, pandangan ini bertepatan dengan pernyataan Hamka dalam karya beliau berjudul Sejarah Umat Islam bahawa orang Arab adalah pelopor Islam (Chalida Fachruddin, 2005: 130). Pengajian ilmu tarannum dengan al-Quran menjadi hiburan yang berakar umbi di nusantara terutama pada kurun 10-15 Masihi, iaitu sebelum kedatangan penjajah barat seperti Portugis, Belanda, Inggeris, Siam dan Jepun.

## **PENDIDIKAN DI MALAYSIA SEBELUM ABAD KE DUA PULUH**

Sistem pendidikan di Malaysia sebelum kurun ke 20 adalah berasaskan pondok dan surau. Dalam awal kurun ke-20, pedagang-pedagang Arab yang datang ke Tanah Melayu, bukan sahaja terdiri daripada ahli-ahli perniagaan, tetapi juga tokoh-tokoh agama dan para intelektual. Justeru itu, beberapa sekolah agama atau Arab didirikan di bawah pembiayaan pedagang-pedagang Arab sendiri yang mempunyai semangat keagamaan dan minat. Antara sekolah-sekolah yang diasaskan oleh kaum Arab ini dikelolai oleh rakyat dan mereka bebas mengambil guru-guru dari Tanah Arab untuk mengajar di sekolah-sekolah tersebut. Sekolah-sekolah tersebut ialah Madrasah al-Junid Singapura, Madrasah al-Mashur, Pulau Pinang, Madrasah al-Attas, Johor dan Madrasah al-Attas, Pahang (Mahayudin, 1980: 72).

Bahan-bahan kajian yang lampau kurang memfokuskan dengan jelas dan terperinci tentang pengajian tarannum. Namun begitu, pengajian tarannum ini berkait rapat dengan pengajian al- Quran. Guru-guru al-Quran pada peringkat awal kedatangan Islam memberi penerapan bacaan al- Quran berserta dengan tarannum (Aizi Saidi, 2013: temubual). Dari aspek penubuhan pusat pengajian Islam dalam Malaysia, didapati pada penghujung abad ke-19 sehingga tahun 1940, Kota Bharu Kelantan telah muncul sebagai pusat pengajian Islam di alam melayu. Sebab itulah, pada masa kini negeri Kelantan digelar sebagai kota ‘serambi mekah’. Dalam abad ke 19 dan ke 20, terdapat juga pusat-pusat pengajian Islam dalam bentuk sistem pendidikan pondok yang merata- rata di Tanah Melayu terutama sekali di Kedah, Province Wellesley, Perak dan Terengganu (Nik Abdul Aziz, 1980: 92).

Bagi negeri Terengganu pula, penemuan Batu Bersurat Terengganu juga membuktikan Islam telah pun dipraktikkan betul-betul di salah sebuah daerah di Malaysia pada abad ke-14. Ini menunjukkan negeri Terengganu pada abad ke14 Masehi iaitu pada tahun 1302M bersamaan kurun ke 8 Hijrah atau tahun 702 Hijrah menjadi pusat penyebaran Islam di pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu. Oleh itu, tidak hairanlah negeri Terengganu sehingga hari ini bergelar “Darul Iman” bererti “Negeri Iman” (Wan Hussein Azmi, 1980: 146).

## **SISTEM PENDIDIKAN PONDOK DAN KEWUJUDAN MADRASAH AGAMA**

Sistem pengajian al-Quran dan ilmu-ilmu agama sebelum kurun ke-20 adalah melalui sistem pendidikan pondok dan surau. Antara pondok yang pernah mengajar seni bacaan al-Quran ialah Madrasah al-Khairiah al-Islamiah Haji Ahmad Tuan Husin atau dikenali dengan nama Pondok Pokok Sena yang terletak di Kepala Batas, Pulau Pinang. Haji Saidin bin Abdul Rahman, bekas Johan qari antarabangsa pada tahun 1968 pernah belajar di pondok tersebut ketika beliau

berusia 11 tahun (Mohamad bin Saari, 2008:70). Ilmu tarannum diajar secara bertalaqqi dengan guru-guru tarannum al-Quran di rumah-rumah, surau-surau atau masjid-masjid (Noornajihan binti Jaafar, 2011:15). Pedagang-pedagang Arab yang datang ke Tanah Melayu, bukan sahaja terdiri daripada ahli-ahli perniagaan, tetapi juga tokoh-tokoh agama dan intelektual. Justeru itu, beberapa sekolah agama atau Arab didirikan di bawah pembiayaan pedagang-pedagang Arab sendiri yang mempunyai semangat keagamaan dan minat. Terdapat sekolah-sekolah yang diasaskan oleh kaum Arab ini dikelolai oleh rakyat dan mereka bebas mengambil guru dari Tanah Arab untuk mengajar di sekolah-sekolah tersebut. Bermula pada pertengahan kurun ke 20 Masihi sehingga kini perkembangan agama Islam dan perkembangan pengajian tarannum dengan al-Quran, tidak lagi bergantung kepada orang Arab. Malah penduduk di Tanah Melayu boleh berdikari dengan sendiri sehinggakan boleh mencabar kemahiran orang Arab dalam pembacaan al-Quran secara bertarannum seperti dalam majlis tilawah al-Quran di peringkat antarabangsa (ibid). Ulama tersohor menyampaikan ilmu agama di pondok untuk memberi kefahaman tentang perkara-perkara agama kepada masyarakat. Terdapat juga pondok yang dinaik taraf oleh kerajaan negeri menjadi Sekolah Menengah Agama seperti Sekolah Menengah Agama Durian Guling yang terletak di negeri Terengganu. Pada asalnya sekolah tersebut adalah sebuah pondok.

### **INSTITUSI PEMERINTAH MENITIKBERATKAN PENGAJIAN AL-QURAN**

Pada masa pemerintahan Sultan Ismail Nasiruddin Shah bermula 16 Disember 1945 hingga 20 September 1979 (Muhammad Salleh Awang, 1992: 413). Haji Mat Lintar bersama rakan-rakan beliau iaitu Haji Yusof Kedondong, Haji Mat Sering, Haji Ahmad bin Mat Som Pergau, Hajjah Che Yam, Pasir Mas iaitu ibu kepada Hajjah Faridah Mat Saman, dan Yusof Slow Machang iaitu setiap kali tiba bulan Ramadhan, pakar-pakar „tukang lagu“ ini, berada di rumah Haji Mat Lintar yang terletak di Kg. Tanjung Kapur. Mereka dijemput oleh Sultan Ismail Nasiruddin Shah untuk mengalunkan ayat suci al-Quran di istana negeri Terengganu (Hasnah Muhammad, temubual telefon: 1 Mac 2015). Justeru itu, alunan ayat suci al-Quran bertarannum akan berkumandang di istana Terengganu setiap kali tiba bulan Ramadhan. Selain daripada itu, Sultan Ismail Nasiruddin Shah menjadikan masjid Sultan Zainal Abidin atau pada masa dahulu dikenali sebagai Masjid Abidin Kerajaan sebagai pusat penyampaian dakwah. Masjid ini dijadikan tempat ibadat, tempat belajar agama, tempat-tempat syarahan agama, dan aktiviti-aktiviti dakwah guru-guru agama yang diadakan dari semasa ke semasa secara bertukar-ganti (Muhammad Salleh Awang, 1992: 371- 373). Haji Mat Lintar juga dilantik menjadi Imam Besar di masjid ini pada zaman Sultan Ismail Nasiruddin Shah selain menjadi Qari Istana (Ahmad Azhar Harun, 2014: 167). Masjid ini juga dikenali oleh masyarakat dengan nama Masjid Besar atau Masjid Putih (Muhammad Salleh Awang, 1992: 371)

### **PELAJAR-PELAJAR DARI TIMUR TENGAH**

Pada tahun 1930-an antara guru agama yang aktif menyampaikan pengajaran al-Quran, tajwid, fasahah dan tarannum di Terengganu ialah Haji Mat Lintar. Haji Mat Lintar pernah mempelajari al-Quran dan tarannum daripada Haji Nik Wan bin Tengku Mahmud semasa berada di negeri Kelantan. Haji Mat Lintar pernah menetap di Kg Kemomin, Kelantan. Rakan seairan Haji Mat

Lintar ialah Yusof Kedondong. (Temubual dengan Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail di Kg Kangkong, Pasir Mas, Kelantan). Menurut Mohamad Lokman, iaitu cucu kepada Haji Mat Lintar, Selain daripada masjid Abidin, beliau juga aktif mengajar al-Quran dan tarannum di surau berdekatan dengan rumah beliau yang terletak di Kampung Tanjung Kapur, Kuala-Terengganu. Bapa kepada Mohamad Lokman, bernama Haji Awang bin Ismail adalah salah seorang anak murid Haji Mat Lintar dan menantu kepada Haji Mat Lintar. Adik-beradik kepada Haji Awang bernama Haji Muda bin Ismail adalah anak murid kepada Haji Mat Lintar. Haji Muda adalah seorang qari dan hakim tilawah al-Quran di peringkat kebangsaan antara tahun 1987 hingga 2007 (Temubual dengan Haji Muda bin Ismail di Kg Bukit Payung, Marang, Terengganu). Surau itu juga dikenali sebagai Surau Haji Mat Lintar. Di situ juga lahirnya ramai qari-qari Terengganu. Haji Mat Lintar juga turut aktif menubuhkan sebuah Persatuan yang diasas oleh beliau dengan nama Persatuan Qurra<sup>h</sup> Terengganu (Temubual Mohamad Lokman bin Awang, 23 Februari 2015). Haji Mat Lintar pernah belajar di Timur Tengah seperti di Mekah dan Madinah. Di sana, Haji Mat Lintar mendalami pengajian al-Quran dan tarannum. Guru Haji Mat Lintar semasa berada di Madinah ialah Sheikh Husein bin Ibrahim al-Suyuti. Manakala guru Haji Mat Lintar di Mekah ialah Syeikh Ali al-Halwi ( Sijil Ijazah bersanad Hajjah Rogayah binti Sulong). Ketika itu, beliau sudah berumahtangga. Ahli- ahlinya terdiri daripada murid-murid yang telah tamat al-Quran bersanad dengan beliau. Antara anak murid yang menjadi qari ialah Hajjah Rogayah binti Sulong ( Temubual Hajjah Rogayah binti Sulong, 25 April 2012), Hajjah Wook binti Hasan ( Temubual Wook binti Hasan, 6 Mac 2015), Haji Yasin bin Embong ( Temubual Yasin bin Embong, 20 September 2015), dan Megat Othman bin Megat Chik (Temubual Hajjah Rogayah binti Sulong, 25 April 2012). Haji Mat Lintar aktif mengajar al-Quran, tajwid, fasahah dan tarannum dalam tahun 1960 sehingga tahun 1975. Haji Mat Lintar juga adalah pengasas Persatuan Qurra<sup>h</sup> Terengganu. Haji Mat Lintar berasal dari Kelantan. Haji Mat Lintar pernah berguru di Kelantan, kemudian berhijrah ke Terengganu. Teman sealiran dengan Haji Mat Lintar ialah Haji Yusof Kedondong. Haji Yusof Kedondong adalah qari diraja negeri Kelantan sejak berusia 8 tahun ( Nik Jaafar Nik Ismail, temubual: 22 Mac 2015). Menurut Datuk Paduka Haji Nik Jaafar, Haji Yusuf Kedondong mempelajari ilmu tarannum daripada Haji Nik Wan bin Tengku Mahmud. Haji Yusuf Kedondong ialah datuk kepada Datuk Paduka Haji Nik Jaafar di sebelah ibu beliau. Ketika berlaku persengketaan antara raja-raja di Kelantan, Haji Nik Wan lari ke Pattani. Ketika di Pattani, Haji Nik Wan mempelajari ilmu-ilmu agama termasuk ilmu tarannum dengan ulama-ulama di Pattani. Ulama-ulama Pattani ada yang mempelajari ilmu-ilmu agama di Mekah. Setelah pulang ke Malaysia, Haji Nik Wan mengajar al-Quran dan tarannum kepada masyarakat pada tahun 1800-an. Haji Nik Wan mengajar di Kampung Kerasak, daerah Bunut Susu, jajahan Pasir Mas Kelantan. Antara anak murid beliau termasuk Haji Yusuf Kedondong dan Haji Mat Lintar. Haji Yusuf Kedondong turut mempelajari ilmu tarannum al-Quran daripada Syeikh Musa, seorang keturunan Arab yang tinggal di Kg. Apa-apa, Pasir Mas, Kelantan. Kubur Sheikh Musa dikenali sebagai kubur Sheikh Tok Panjang. Haji Abdul Majid, yang pernah menjadi johan antarabangsa adalah cucu kepada Sheikh Musa. Haji Yusuf Kedondong mengajar tarannum mengikut gabungan antara ala Hijazi dan Misri. Haji Mat Lintar pernah mempelajari tarannum al- Quran di Mekah. Budaya orang Mekah membaca al-Quran ala Hijazi. Berdasarkan suasana dan budaya ala Hijazi, suasana yang kering-kontang dan padang pasir. Oleh itu, Haji Mat Lintar lebih banyak terpengaruh dengan bacaan ala Hijazi. Tetapi selepas perang Jepun pada tahun

1940-an, Haji Mat Lintar lebih cenderung kepada tarannum ala Misri. Bagi pandangan Datuk Paduka Haji Nik Jaafar, berbeza dengan orang Mesir, cara bacaan tarannum orang Mesir lebih sopan dan lembut sebagaimana saranan yang terdapat al-Quran iaitu bacaan secara Qiraah Layyinah. Justeru itu, perubahan tarannum ala Hijazi kepada ala Misri selepas tahun 1940-an ada mengikut peredaran masa dan penerimaan para qurra" serta bertepatan dengan ciri-ciri yang terdapat dalam dalil al-Quran dan hadith. Menurut beliau, dua kaedah bacaan al-Quran dengan betul ialah: tahsin al-saut dan qiraah layyinah.

Haji Ahmad bin Mat Som Pergau juga adalah antara guru yang aktif mengajar tarannum al-Quran. Haji Ahmad Ma'sum Pergau pula pernah mendalami ilmu al-Quran dan tarannum ketika beliau menuntut di Mesir. Antara guru beliau yang terkenal ialah Syeikh Taha al-Fashni. Rakan sealiran dengan beliau ketika menuntut di Mesir ialah Syeikh Mustafa Ismail. Anak murid kepada Syeikh Mustafa Ismail pula ialah Dr. Nu'inak (temubual dengan Ahmad Tarmizi Haji Ali, pada 30 Ogos 2015). Haji Ahmad Ma'sum Pergau menetap di Pergau, Kelantan. Setelah itu, Menteri Besar negeri Terengganu mengajak beliau menetap di negeri Terengganu kerana beliau adalah anak jati Terengganu. Setelah itu, Haji Ahmad Ma'sum memberi sumbangan dalam bahagian tarannum dan melahirkan anak murid yang ramai yang terdiri daripada qari yang terkenal seperti Haji Daud Che Man (Temubual Daud Che Man, 16 Mac 2015), Haji Rashid bin Ali (Temubual Haji Rashid Ali, 12 Mac 2015), Haji Ismail bin Embong (Temubual dengan Ismail bin Embong, 20 Ogos 2015), dan Haji Yusop bin Embong (Temubual Yusop bin Embong, 17 Ogos 2015). Pada tahun 1980, Haji Ahmad Ma'sum Pergau pernah mengajar di Masjid Abidin, Masjid Kg Wakaf tembesu, dan Surau Haji Mat Lintar.

## **PERANAN GURU-GURU PONDOK DAN GURU TARANNUM**

Secara umumnya, Shafie Abu Bakar mengkategorikan proses memperluaskan pengaruh Islam dalam masyarakat adalah melalui pengajaran dan pengajian, Proses ini terbahagi kepada lima peringkat iaitu peringkat pertama ialah tahap permulaan penyebaran al-Quran dan penyebaran Islam. Peringkat kedua ialah permulaan lahirnya pengajian pondok. Peringkat ketiga ialah zaman kemunculan ulama-ulama Terengganu. Peringkat keempat ialah perkembangan pengajian pondok di Terengganu dan peringkat kelima ialah pengajian agama berbentuk persekolahan (Shafie Abu bakar, 1987:8-16).

Menurut Misbaha, pelajaran Sekolah Arab di Terengganu dalam tahun 1925 iaitu berdasarkan kepada catatan Munsyi Abdullah. Pelajaran di Sekolah Arab Agama di negeri Terengganu dijalankan di Sekolah Melayu Paya Bunga kemudian berpindah ke Sekolah Melayu Bukit Jambul (Mohamad Salleh bin Awang, 1992:171). Setelah itu, dibina bangunan sendiri yang merupakan Sekolah Arab pertama iaitu Madrasah Sultan Zainal Abidin Al-Arabiah yang disempurnakan pada zaman Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah pada 13 November 1932. Bangunan ini terletak di Kampung Ladang, Kuala Terengganu yang diasaskan dengan bantuan khairat orang ramai. Justeru itu, pengajian secara formal di sekolah arab di Terengganu dengan tunjangan kerajaan negeri bermula. Menurut Mohd Yusuf Hashim, Sekolah Arab Sultan Zainal Abidin ini ditubuhkan di Kuala Terengganu, dirasmikan pembukaannya oleh Sultan Sulaiman pada tahun 1933. Guru pertama yang mengasaskan pengajian Arab di situ ialah Syeikh Muhammad Noor Fatani.

Menurut Mohd Yusuf Hashim, pengajian sekolah Arab hanya dapat diteliti melalui perkembangan tradisi sekolah pondok di Terengganu yang mengajar berbagai-bagai cabang ilmu agama Islam sejak abad ke-19 lagi. Antara sekolah pondok persendirian yang dikenali ialah Pondok Tok Kenali, Sungai Rengas, Pondok Haji Abdul Hamid, Nerus, Pondok Haji Hussin, Besut antara tahun 1873 hingga 1895, dan Pondok Haji Daud, Besut 1921. Sekolah pondok ini kemudiannya berubah menjadi Sekolah Arab seperti Madrasah Ittifakiyah, Jertih, Madrasah Jamiah Diniyah, Tok Jiring, dan Madrasah Mazahir al-Ulum, Kuala-Berang ( Mohd Yusof Hashim, 1991: 451). Al-Quran adalah antara mata pelajaran yang diberi penekanan di pondok dan di madrasah agama. Dari situ, lahir anak murid yang mahir dengan bacaan al-Quran. Justeru itu, mereka memantapkan diri mereka dengan mempelajari tarannum daripada guru yang pakar. Contohnya, qari Haji Mohamad bin Ismail pernah belajar di pondok Tok Jiring dengan guru bernama Tok Guru Haji Abbas. (Temubual dengan Mohamad bin Ismail, Bilal Masjid al-Ikhlis, Kg. Banggol Tuan Muda, Manir, Kuala Terengganu pada 4 April 2015).

## **PARA QARI DAN QARIAH MENGEMBANGKAN ILMU TARANNUM DI TERENGGANU**

Salah seorang tokoh tarannum dari negeri Terengganu yang dikenali ramai ialah Hajjah Rogayah binti Sulong. Hajjah Rogayah juga melahirkan anak murid yang ramai dalam bidang tarannum terutama di Terengganu, Sabah, Sarawak, Pahang dan Johor. Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah pernah menghantar beberapa orang anak murid untuk mempelajari tarannum di rumah Hajjah Rogayah selama lebih kurang tiga tahun. Antara anak murid yang terkenal dari negeri Terengganu ialah Hajjah Sepiah binti Muhammad, Hajjah Masnah binti Awang, Hajjah Azizah binti Zakaria, Hajjah Hasnah binti Sulong, Fatimah binti Ibrahim, Halimah binti Ibrahim, Hajjah Aminah Omar dan Muhammad bin Awang Teh. Anak murid dari Sabah bernama Balqis, Fatimah Adnan dari Sri Aman, Saidah dari Sarikei, Sarina Ali dari Kudat, Maria dari Limbang, dan Halimah Haji Sidik dari Sabah (Temubual Halimah binti Ibrahim, 23 Januari 2015). Hajjah Rogayah mengajar al-Quran dan tarannum di masjid, surau dan di rumah beliau sendiri. Dalam masa yang sama, Hajjah Rogayah akan mengenalpasti pelajar yang berpotensi dan berbakat dalam tarannum untuk digilap bakat tersebut (temubual dengan Hajjah Sepiah binti Muhammad). Hajjah Rogayah juga turut memberi pengajaran secara intensif kepada pelajar yang datang dari Sabah, Sarawak dan Terengganu. Pelajar tersebut menginap di rumah Hajjah Rogayah sendiri lebih kurang selama tiga tahun untuk mempelajari selok-belok ilmu tarannum dari peringkat asas (Temubual dengan Hajjah Maznah binti Awang). Selain itu, Hajjah Rogayah dan suami beliau Megat Othman bin Megat Chik pernah berhijrah ke negeri Johor, Pahang, dan Sarawak semata-mata untuk mengajar ilmu tarannum kepada masyarakat. Begitu juga Hajjah Rogayah dilantik menjadi fasilitator dalam kursus tahsin al-Quran di peringkat negeri Terengganu (Temubual dengan Hajjah Rogayah binti Sulong). Hajjah Rogayah juga memperkenalkan ilmu tarannum kepada masyarakat sambil melatih anak murid membaca al-Quran bertarannum sempena majlis kutipan dana untuk pembinaan asrama anak yatim Darul Falah, Kg. Bukit Payong, Marang Terengganu sehingga berjaya dikumpulkan sehingga RM60,000 (Temubual dengan Hajjah Maznah binti Awang).

Begitu juga, qari-qari dan qariah-qariah negeri Terengganu bergiat aktif mengajar al-Quran di masjid-masjid dan surau berdekatan dengan rumah masing-masing. Dato' Hajjah

Rogayah binti Sulong masih aktif mengajar al-Quran dan tarannum di masjid Padang Midin, Kuala Terengganu pada setiap hari rabu, Masjid Kuala-Berang pada setiap hari Ahad dan Surau di kampung Tepoh, Batu-Rakit, Kuala-Terengganu pada setiap hari Khamis (Temubual Hajjah Rogayah binti Sulong, 5 Mac 2015). Begitu juga Hajjah Masnah binti Awang turut aktif mengajar secara khusus tarannum al-Quran di bawah kendalian MAIDAM untuk peserta tarannum dan orang ramai pada setiap hari Sabtu antara pukul 9 hingga 11 pagi (Temubual Hajjah Masnah binti Awang, 24 Disember 2014) . Begitu Haji Daud Che Man turut mengajar ilmu tarannum di Masjid Sultan Zainal Abidin atau dikenali oleh penduduk sekitar dengan nama Masjid Ladang pada setiap hari Jumaat sesudah solat Maghrib (Temubual Daud Mat Saman, 16 Mac 2015). Haji Muda bin Ismail masih aktif mengajar tarannum al-Quran di surau berhadapan dengan rumah beliau sendiri di Kg. Seberang Bukit Payung, Marang Terengganu (Temubual Muda bin Ismail, 2 Mac 2015). Selain daripada itu, Haji Muhammad bin Awang Teh turut aktif mengajar al-Quran dan tarannum di Masjid elda Jerangau, Masjid Bukit Diman, Masjid Kg. Tok Dor, Masjid Dendang, dan Masjid Bukit Besi (Temubual Muhammad bin Awang Teh, 7 Mac 2015). Haji Yusop bin Embong di Masjid Ladang, Haji Ismail bin Embong di Masjid Pulau Babi dan Kg. Jeram, Manir, Kuala-Terengganu, dan Haji Ali@Alias bin Abdul Rahman mengajar di Masjid Bukit Kuang, Dungun, Terengganu. Begitu juga Ustaz Haji Mohamad bin Ismail turut mengajar di Masjid al-Ikhlas, Kg. Banggol Tuan Muda, Manir, Kuala-Terengganu (Temubual Mohamad bin Ismail, 9 April 2015).

## **KEWUJUDAN MAJLIS TILAWAH AL-QURAN DAN KESUNGGUHAN MASYARAKAT**

Berdasarkan tinjauan, masyarakat Malaysia secara umumnya mengenali tarannum al-Quran melalui program Musabaqah Membaca Al-Quran pada peringkat awal. Musabaqah ini mula diadakan pada tahun 1960/1380H. Antara objektifnya untuk menarik perhatian muslimin kepada isi kandungan al-Quran dan meninggikan mutu bacaan al-Quran. Musabaqah Membaca juga adalah antara projek kegiatan agama yang dijalankan menerusi kementerian untuk menghidupkan syiar Islam. Program Musabaqah Membaca al-Quran juga memainkan peranan penting dalam melahirkan para qari dan qariah yang terkenal dan pakar dalam bidang tarannum. Setelah itu, program Musabaqah Membaca al-Quran ditukar nama kepada Majlis Tilawah al-Quran.

Majlis Tilawah al-Quran menjadi salah satu faktor utama yang menyebabkan kemasyhuran ilmu tarannum al-Quran dan melahirkan para qari dan qariah yang mahir dan terkenal sama ada di peringkat Kebangsaan mahupun antarabangsa. Majlis Tilawah al-Qur'an adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia bertujuan untuk meninggikan syiar Islam. Majlis ini merupakan salah satu usaha untuk menarik minat masyarakat umum mengenali seni lagu al-Quran dan membantu ke arah bacaan secara tartil dan berkualiti. Oleh itu, majlis sebegini memainkan peranan penting dalam seni bacaan al-Quran di Malaysia. Bertitik tolak melalui majlis tilawah ini, dapat mencungkil bakat-bakat dan tokoh-tokoh qari dan qariah yang dapat mengalunkan al-Quran mengikut tarannum yang bersesuaian. Seterusnya dapat melahirkan tokoh-tokoh tarannum yang muktabar. Berdasarkan kronologi sejarah, terdapat tiga peringkat nama yang diberikan kepada majlis tilawah ini iaitu ( Mohamad bin Saari, 2003:7):



- i. Kali pertama, majlis ini dikenali dengan nama “Pertandingan Membaca Al-Qur’an”.
- ii. Kemudian ditukar kepada “Musabaqah Membaca Al-Qur’an”.
- iii. Akhir sekali majlis ini dikenali dengan nama “Majlis Tilawah al-Qur’an”. Apabila majlis ini diadakan di negeri Johor, majlis ini dikenali sebagai “Majlis Perujian Membaca Al-Qur’an” atas titah perintah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan, majlis tilawah al-Quran julung kali diadakan bermula dengan Pertandingan Membaca al-Quran se-Malaya. Ia diperkenalkan oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Pekembar) pada 4 September 1947 yang diadakan di Masjid Jami’ Abu Bakar Johor Baharu, Johor.

Pada 20 Ramadhan 1379H bersamaan 18 Mac 1960, ketika penganjuran Pertandingan Membaca al-Quran Peringkat Kebangsaan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur, Tunku Abdul Rahman berkata:

*Dengan majlis yang mulia ini, saya berharap akan menjadikan Malaya sebagai pusat dari mana cahaya Islam akan bersinar dan memancar ke lain-lain negara.*

Negara-negara Islam di dunia turut memainkan peranan penting dalam memartabatkan seni bacaan al-Quran. Antaranya ialah negara Turki, pernah mengadakan majlis tilawah seumpama di Malaysia yang diberikan nama Haflah al-Quran pada tahun 1976. Pada tahun ini, Haji Mirwan Batubara dari Indonesia mendapat medal emas kerana memperolehi tempat pertama. Begitu juga negara Thailand dan Filipina turut mengadakan majlis tilawah al-Quran (Wan Mohamad bi Sheikh Abdul Aziz, 2008: 90).

Di negeri Terengganu pula, majlis tilawah al-Quran diadakan di peringkat daerah yang mewakili daerah di negeri Terengganu seperti Kemaman, Kuala-Terengganu, Kemaman, Marang, Hulu Terengganu, Besut, dan Setiu. Manakala johan bagi setiap daerah pula layak ke Majlis Tilawah al-Quran di peringkat negeri Terengganu. Bagi setiap peserta qari dan qariah yang menjadi johan akan mewakili negeri Terengganu ke Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan. Majlis tilawah al-Quran ini dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Masjid, Majlis Agama Islam Negeri Terengganu.

## **KURSUS TAHSIN AL-QURAN**

Hasil daripada temubual dengan qari negeri Terengganu menunjukkan kemahiran para qari diasah melalui kursus Tahsin al-Quran. Kursus Tahsin al-Quran dihadiri oleh peserta yang terpilih. Pemilihan dibuat berdasarkan penyertaan qari yang berjaya di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan dalam pertandingan Majlis Tilawah al-Quran anjuran Majlis Agama Islam Negeri Terengganu, Institut al-Quran Terengganu dan anjuran Jakim, Malaysia. Kursus Tahsin al-Quran diadakan di peringkat negeri dan kebangsaan. Antara pakar yang pernah menjadi guru ialah Dato’ Hajjah Rogayah binti Sulong, Tan Sri Ismail bin Mohamad, Tan Sri Haji Hassan Azahari, dan Datuk Paduka Haji Nik Jaafar. (Temubual Ismail bin Embong, 20 Ogos 2015).

## KESIMPULAN

Artikel ini dapat membantu memahami tentang perkembangan ilmu tarannum al-Quran yang bermula sejak zaman pra-merdeka iaitu sejak awal kedatangan Islam ke negeri Terengganu. Secara rumusannya, terdapat faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan ilmu tarannum di Terengganu seperti kemasukan pedagang Arab, galakan daripada pemerintah, penubuhan pondok dan sekolah arab, penuntut dari Timur Tengah, dan kewujudan majlis tilawah al-Quran. Berdasarkan susur galur guru-guru tarannum kepada qari-qari di negeri Terengganu, didapati bahawa guru-guru tarannum berasal dari satu rumpun dan saling berkait antara satu sama lain. Kebanyakan pelajar mempelajari ilmu tarannum dari guru yang sama yang akhirnya guru yang terdahulu berasal dari negeri Kelantan. Ini mungkin disebabkan oleh beberapa kebarangkalian. Contohnya ialah faktor dari aspek jarak antara negeri Kelantan dan Terengganu adalah berdekatan antara satu sama lain.

Oleh itu, kemunculan ilmu tarannum al-Quran ke negeri Terengganu mempunyai kaitan dengan kemasukan pedagang Arab yang membawa agama Islam ke negeri Terengganu. Antara faktor utama ialah kedatangan agama Islam ke nusantara melalui pedagang-pedagang Arab di beberapa pelabuhan utama yang maju pada awal kurun-kurun yang lampau berdasarkan penemuan beberapa buah batu bersurat di beberapa tempat di rantau Asia. Selain itu juga, penghijrahan ulamak-ulamak dari Selatan Thailand juga memberi impak yang besar terhadap wujudnya ilmu- ilmu Islam khususnya ilmu tarannum al-Quran yang menjadi tanda salah satu kesenian Islam pada masa itu. Antara sumbangan-sumbangan pedagang-pedagang Arab ialah mengajar al-Quran kepada masyarakat setempat. Selain itu, mengajar asas-asas tajwid dan sifat-sifat huruf-huruf. Pedagang-pedagang arab juga mengajar al-Quran dari lidah mereka sendiri iaitu mengajar al- Quran mengikut Lahjah Arabiyyah dan tarannum ala Hijazi. Pedagang-pedagang Arab juga turut sama mengajar tarannum dan lenggok –lenggok irama lagu dan burdah Arab.

## RUJUKAN

- Ahmad Azhar Harun, Biografi Tokoh-tokoh Pentadbiran Islam Terengganu ( Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu) 1911M-2014/1329H-1435H, 2014, Kuala-Terengganu: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu, 167.
- Ahmad Syafiq Mat Razali et al. Impilikasi Ketokohan Qari-qari Tanah Melayu Terhadap Kewujudan Program Tarannum Di Malaysia: Satu Tinjauan. <https://ejurnalfp.files.wordpress.com/2015/02/implikasi-ketokohan-qari-qari-tanah-melayu-terhadap-kewujudan-program-tarannum-di-malaysia.pdf> paparan pada 23 Jun 2016.
- Aizi Saidi( Imam Besar Negeri Terengganu, Jabatan Hal Ehwal Dakwah, Pendidikan Dan Pengurusan Masjid, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu MAIDAM), dalam temubual dengan penulis, 2013.
- Chalida Fachruddin, Orang Arab Di Kota Medan, Jurnal Antropologi Sosial Budaya ETNOVISI.vol.1.no.3. Desember 2005). Orang-Arab-di-Medan.pdf(SECURED)-Adobe acrobat Reader DC. Paparan pada 19 Oktober 2015.
- Dato' Setia Jasa Dato' Haji Muhammad Saleh Haji Awang, Sejarah Darul Iman Hingga

- 1361H=1942M, cet. Ke-3 1992, (Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Terengganu, ) 171.
- Mahayudin Haji Yahaya, “Latarbelakang Sejarah Keturunan Sayid di Malaysia,” dalam Tamadun Islam Di Malaysia (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia,1980)72.
- Mohamad bin Saari, Johan Qari Dan Qariah Malaysia, ( Kuala Lumpur: JAKIM, 2007) , Kata Pengantar.
- Mohamad bin Saari, Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa,(Kuala-Lumpur: JAKIM, 2003)7.
- Mohd Yusof Hashim, Terengganu Darul Iman, ( Kuala-Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991), 451.
- Mohd. Zaini Zakaria, Mohd Yusof Ismail, dan Sedek Ariffin. Penulisan Karya Seni Lagu Al-Quran Di Nusantara : Satu Tinjauan. Umexpert.um.edu.my/file/publication/00010772\_7919.pdf paparan pada 22 Januari 2014.
- Najmiah Omar dan Zulkifli@Md Yaakub bin Mohd Yusoff, “ Pendekatan Dato” Hajjah Rogayah Sulong Dalam Pembelajaran dan Pengajaran Tarannum Al-Quran Di Terengganu,” dalam Quran Melonjak Transformasi Ummah, ed. Adnan Mohamed Yusoff et al., Nilai: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 2013), 506-517.
- Nik Abdul Aziz bin Hj Nik Hassan, “Islam, Kepimpinan Dan Nilai-nilai Hidup Dalam Masyarakat Malaysia,” dalam Tamadun Islam Di Malaysia ( Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980) 92.
- Noor Najihan binti Jaafar, “Hukum Tarannum Al-Quran: Satu Analisis,” dalam Jurnal Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 15 ( 2011).
- Shafie Abu Bakar, “ Identiti Keagamaan dan Tradisi Pengajian Di Terengganu” dalam PESAKA IV ( Kuala Terengganu: Muzium Negeri Terengganu, 1987), 8-16.
- Temubual dengan Hajjah Masnah binti Awang, Qariah Antarabangsa, Kg. Rawai, hari Jumaat pukul 3.30 petang, pada 24 Disember 2014.
- Temubual dengan Hajjah Halimah binti Ibrahim ( Qariah Negeri Terengganu, Kg Banggol Katong, Kuala Terengganu), 25 Januari 2015.
- Temubual telefon dengan Hajjah Hasnah binti Muhammad ( Anak ketiga Haji Mat Lintar, 903, Jln Bachik, Kg. Molek, Masjid Intan Zaharah, Dungun, Terengganu) pada 1 Mac 2015.
- Temubual dengan Ustaz Haji Muda @ Jusoh bin Ismail, ( Qari Negeri Terengganu, di Lot 1862, Hadapan Surau, Kg. Seberang Bukit Payung, Marang, Terengganu), pada 2 Mac 2015.
- Temubual dengan Tuan Haji Rashid bin Ali ( Guru Tarannum, Kg. Mengabang Telipot), pada 12 Mac 2015.
- Temubual dengan Hj. Daud bin Che Man ( Qari negeri Terengganu, Jln Pusara, Bandar Kuala Terengganu), pada 16 Mac 2015.
- Temubual dengan Haji Mohamad bin Ismail ( Qari negeri Terengganu, Imam Masjid al-Ikhlis, Kg. Banggol Tuan Muda, Manir, Kuala-Terengganu), pada 9 April 2015.
- Temubual dengan Ustaz Haji Ismail bin Embong ( Guru Tahsin al-Quran, Kg. Jeram, Manir, Kuala- Terengganu) pada 20 Ogos 2015.
- Temubual dengan Hajjah Rogayah binti Sulong ( Qariah negeri Terengganu, Kg. Tepoh), pada 5 Mac 2015.

- Temubual dengan Hajjah Wook binti Hasan, ( Guru al-Quran dan Qariah negeri Terengganu, Kg Pak Madah) pada 6 Mac 2015.
- Temubual dengan Hajjah Rogayah binti Sulong ( Qariah negeri Terengganu, Kg. Tepoh), pada 25 April 2012.
- Temubual dengan Datuk Paduka Haji Nik Jaafar bin Haji Nik Ismail ( Pakar Tarannum Malaysia, Kg Kangkong, Pasir Mas, Kelantan), pada 22 Mac 2015.
- Temubual dengan ustaz Mohamad Lokman bin Awang ( Imam Surau Kg. Tanjung Kapur, cucu kepada Haji Mat Lintar) pada 23 Februari 2015.
- Temubual dengan Haji Muhammad bin Awang Teh ( Qari Negeri Terengganu, Kg. Felda Jerangau, Terengganu) pada 7 Mac 2015
- Temubual dengan Haji Yusop bin Embong ( Qari negeri Terengganu, Imam Masjid Tg Nik Haji, Kg. Batu Buruk, Kuala-Terengganu), pada 17 Ogos 2015.
- Temubual dengan Ahmad Tarmizi bin Ali ( Mudir Akademi Al-Quran al-Tirmizi, Bukit Jelutong, Shah Alam) pada 30 Ogos 2015.
- Temubual dengan Yasin bin Embong ( Qari Negeri Terengganu, Kg Pasir Panjang), pada 20 September 2015.
- Wan Hussein Azmi, “ Islam Di Malaysia: Kedatangan Dan Perkembangan (Abad 7-20M),” dalam Tamadun Islam Di Malaysia ( Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980) 146.
- Wan Mohamad bin Sheikh Abdul Aziz, Johan Qari dan Qariah Majlis Tilawah al-Quran Antarabangsa Malaysia 1380H/1961M-1428/2007M, ( Putrajaya: JAKIM, 2008), 90.